



KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH
Blok C, Menara Kinabalu
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat
88400 KOTA KINABALU
Sabah, Malaysia
Tel.: 088-368000 Faks: 088-213584
Website: www.mof.sabah.gov.my



Ruj. Kami : KEW 100-4/4 JLD.11 (58)

Tarikh : 21 Januari 2026

Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah Kecil

YBhg. Datuk/ Datin/ Tuan/ Puan,

SURAT PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH BIL.1/2026
PENGURUSAN KENDERAAN KONSESI KERAJAAN NEGERI SABAH

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memberikan penjelasan dan menyelaraskan peraturan terkini berhubung pengurusan kenderaan konsesi, selaras dengan pembaharuan Perjanjian Kenderaan Konsesi antara Kerajaan Negeri Sabah dengan Angkatan Hebat Sdn Bhd (AHSB).



Rujukan : KEW 100-4/4 JLD.11 (58)

Tarikh : 21 Januari 2026

2. LATAR BELAKANG

2.1 Kerajaan Negeri Sabah telah memeterai Perjanjian Kenderaan Konsesi dengan AHSB untuk tempoh 10 tahun, yang berkuat kuasa mulai 01 Oktober 2025 sehingga 30 September 2035.

2.2 Kementerian Kewangan Negeri Sabah (KKNS) dipertanggungjawabkan sebagai agensi pelaksana bagi pengurusan kenderaan konsesi.

3. TAFSIRAN

“**Agensi Kerajaan**” merujuk kepada Kementerian, Jabatan, Pejabat Daerah dan Pejabat Daerah Kecil.

“**Kenderaan Rasmi Jawatan**” ialah kenderaan yang diperuntukkan khas mengikut kelayakan jawatan kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Gred 54/14 dan ke atas. Kenderaan Rasmi Jawatan (KRJ) ini juga diperuntukkan kepada pegawai Gred 52/13 atau Gred 48/12 yang menjadi Pegawai Pengawal.

“**Pembaikan besar (*Major repair*)**” merujuk kepada kerja pembaikan yang bernilai RM3,000.00 dan ke atas.

“**Pembaikan dan penyelenggaraan kecil (*Minor repairs and services*)**” merujuk kepada kerja pembaikan dan penyelenggaraan yang bernilai kurang daripada RM3,000.00.

“SABAH MAJU JAYA”

Rujukan : KEW 100-4/4 JLD.11 (58)

Tarikh : 21 Januari 2026

4. PEMBEKALAN KENDERAAN SEWAAN

- 4.1** AHSB diberi tanggungjawab untuk membekalkan kenderaan kepada Agensi Kerajaan sebagaimana yang diluluskan oleh KKNS.
- 4.2** Pembekalan kenderaan adalah dalam dua (2) peringkat iaitu:
- a) Penggantian semua kenderaan yang disewa oleh Kerajaan Negeri yang telah mencapai tempoh lima (5) tahun; dan
 - b) Penyewaan kenderaan baharu, jika diperlukan.
- 4.3** Adalah menjadi tanggungjawab Agensi Kerajaan untuk memaklumkan secara bertulis mengenai pertukaran Pegawai Kenderaan kepada AHSB dan menyalinkan surat tersebut kepada KKNS .

5. PENERIMAAN KENDERAAN

- 5.1** AHSB hendaklah menyerahkan kenderaan baharu kepada Agensi Kerajaan di tempat dan tarikh yang dipersetujui bersama.
- 5.2** Agensi Kerajaan hendaklah mengesahkan penerimaan kenderaan tersebut pada borang *Acknowledgement of Delivery of Leased Vehicles* (Lampiran 1).

“SABAH MAJU JAYA”

Rujukan : KEW 100-4/4 JLD.11 (58)

Tarikh : 21 Januari 2026

5.3 AHSB hendaklah menyerahkan perkara-perkara berikut semasa penghantaran kenderaan baharu kepada Agensi Kerajaan:

- a) Dua (2) set kunci kenderaan;
- b) Satu (1) naskhah Buku Log Kenderaan;
- c) Dua (2) keping kad flet (*Fleetcard*);
- d) Satu (1) naskhah buku manual pemandu;
- e) Satu (1) set baucar penyelenggaraan; dan
- f) Salinan nota perlindungan insuran (*covernote*).

5.4 Agensi Kerajaan hendaklah memastikan kenderaan yang diterima adalah kenderaan baharu, berada dalam keadaan sempurna dan selamat untuk digunakan.

6. PEMASANGAN PELEKAT LAMBANG NEGERI/LOGO DAN NAMA AGENSI KERAJAAN

6.1 Semua kenderaan yang diperuntukkan sebagai KRJ hendaklah dilekatkan dengan pelekat Lambang Negeri pada cermin hadapan sebelah kanan berukuran seperti berikut:

Pelekat Lambang Negeri – Lebar 3cm dan tinggi 6 ½ cm

“SABAH MAJU JAYA”

Rujukan : KEW 100-4/4 JLD.11 (58)

Tarikh : 21 Januari 2026

6.2 AHSB hendaklah memasang Lambang Negeri dan nama Agensi Kerajaan dalam **BENTUK KEKAL** (cat kekal) pada kedua-dua tepi pintu hadapan (kiri dan kanan) dengan ukuran seperti berikut:

- a) Lambang Negeri - Lebar 11 cm dan tinggi 24 cm
- b) Tulisan Nama Agensi Kerajaan - Lebar 1 ½ cm dan tinggi 2 cm

6.3 Agensi Kerajaan **DILARANG** menanggalkan Lambang Negeri, nama Agensi Kerajaan dan logo yang tertera pada kenderaan.

7. PENYELENGGARAAN

Agensi Kerajaan bertanggungjawab terhadap perkara-perkara berikut:

- 7.1 Menjadualkan penyelenggaraan kenderaan mulai dari tarikh penerimaan kenderaan.
- 7.2 Menghantar kenderaan yang memerlukan penyelenggaraan atau pembaikan ke bengkel Jabatan Kerja Raya (JKR) yang berdekatan untuk pemeriksaan dan pengesahan jenis kerosakan sebelum kerja-kerja penyelenggaraan atau pembaikan dijalankan.
- 7.3 Memastikan kenderaan dihantar ke bengkel yang berdaftar dengan AHSB.
- 7.4 Memastikan kenderaan yang siap dibaiki hendaklah dibawa semula kepada JKR untuk pengesahan kualiti kerja pembaikan.

“SABAH MAJU JAYA”

Rujukan : KEW 100-4/4 JLD.11 (58)

Tarikh : 21 Januari 2026

- 7.5** Memaklumkan kepada AHSB sekiranya masih terdapat kerosakan selepas kerja-kerja penyelenggaraan dilaksanakan.

8. PEMBAYARAN PENYELENGGARAAN

- 8.1** Agensi Kerajaan adalah bertanggungjawab untuk melaksanakan pembayaran perkhidmatan, penyelenggaraan dan pembaikan kenderaan.
- 8.2** Ketua Jabatan diperingatkan untuk menyelesaikan pembayaran perkhidmatan, penyelenggaraan dan pembaikan kenderaan dalam tempoh yang ditetapkan. Sebarang implikasi kewangan, termasuk caj atau faedah yang timbul akibat kelewatan dalam penyelesaian pembayaran adalah menjadi tanggungan sepenuhnya Agensi Kerajaan yang berkenaan.

9. SENARAI NAMA BENGKEL

AHSB hendaklah memaklumkan kepada Agensi Kerajaan secara bertulis senarai nama dan lokasi bengkel yang berdaftar dengan AHSB. Adalah menjadi tanggungjawab AHSB untuk memaklumkan kepada Agensi Kerajaan sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada senarai nama dan lokasi bengkel tersebut.

“SABAH MAJU JAYA”

Rujukan : KEW 100-4/4 JLD.11 (58)

Tarikh : 21 Januari 2026

10. PEMASANGAN ALAT TAMBAHAN ATAU AKSESORI

Sebarang pengubahsuaian dan pemasangan alat tambahan atau aksesori pada kenderaan **TIDAK DIBENARKAN** kecuali bagi tujuan keselamatan, diperakukan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) dan mendapat kelulusan daripada KKNS.

11. KEHILANGAN/KEMALANGAN

11.1 Pemandu hendaklah memastikan laporan dibuat kepada pihak polis, Ketua Jabatan dan AHSB dalam tempoh 24 jam dari tarikh kejadian kehilangan/kemalangan berlaku.

11.2 Pemandu boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah peraturan yang sedang berkuat kuasa, sekiranya terbukti berlaku kelalaian.

12. KENDERAAN SEMENTARA

12.1 Bagi kenderaan yang menjalani pembaikan besar (*major repair*), Kerajaan Negeri berhak mengurangkan sewaan bulanan secara *pro-rata* sepanjang tempoh kenderaan tersebut tidak dapat digunakan. Sekiranya AHSB mempunyai ketersediaan kenderaan, AHSB hendaklah menyediakan kenderaan sementara yang mempunyai jenama dan model yang setara sehingga kenderaan tersebut diselenggara dan dibaiki sepenuhnya tanpa melibatkan kos tambahan kepada Agensi Kerajaan.

“SABAH MAJU JAYA”

Rujukan : KEW 100-4/4 JLD.11 (58)

Tarikh : 21 Januari 2026

12.2 Bagi kenderaan yang memerlukan pembaikan dan penyelenggaraan kecil (*minor repair*), AHSB hendaklah menyediakan kenderaan sementara yang mempunyai jenama dan model yang setara sehingga kenderaan tersebut diselenggara dan dibaiki sepenuhnya tanpa melibatkan kos tambahan kepada Agensi Kerajaan.

13. PENUNDAAN KENDERAAN

Kos dan tanggungjawab menunda kenderaan yang terlibat dalam kemalangan atau mengalami kerosakan adalah ditanggung oleh AHSB.

14. SAMAN/KOMPAUN

Pemandu kenderaan bertanggungjawab sepenuhnya untuk menyelesaikan dan membayar sebarang saman atau kompaun yang dikeluarkan atas kesalahan lalu lintas yang dilakukan.

15. INSURANS DAN PEMBAHARUAN CUKAI JALAN

Pembaharuan insurans dan cukai jalan adalah di bawah tanggungjawab AHSB.

“SABAH MAJU JAYA”

Rujukan : KEW 100-4/4 JLD.11 (58)

Tarikh : 21 Januari 2026

15. JUALAN KENDERAAN

15.1 Ketua Jabatan yang akan bersara wajib layak untuk membeli KRJ yang diperuntukkan kepada mereka.

15.2 Kemudahan yang diberikan hanya diberikan sekali sahaja dalam tempoh perkhidmatan mengikut harga jualan yang ditetapkan oleh AHSB. Permohonan hendaklah dikemukakan kepada KKNS dalam tempoh 6 bulan sebelum tarikh bersara wajib.

15. PERATURAN-PERATURAN AM

15.1 PENGGUNAAN KENDERAAN

15.1.1 Kenderaan Rasmi Jawatan (KRJ)

- a) KRJ yang diperuntukkan kepada pegawai adalah untuk urusan rasmi Kerajaan sahaja. Walau bagaimanapun, kenderaan tersebut juga boleh digunakan untuk tujuan kebajikan pegawai.
- b) Pegawai yang layak diperuntukkan KRJ boleh meletakkan kenderaan dirumahnya dan dipertanggungjawabkan sepenuhnya ke atas keselamatan kenderaan tersebut.

“SABAH MAJU JAYA”

Rujukan : KEW 100-4/4 JLD.11 (58)

Tarikh : 21 Januari 2026

15.1.2 Kenderaan Gunasama

- a) Semua kenderaan hendaklah diletakkan di premis kerajaan selepas waktu pejabat.
- b) Tindakan tatatertib dan/atau surcaj boleh diambil ke atas pegawai yang menyalahgunakan kenderaan untuk tujuan persendirian.

15.2 PINDAHAN/PINJAMAN KENDERAAN

Kenderaan tidak dibenarkan dipindahkan atau dipinjamkan ke Agensi Kerajaan lain tanpa kelulusan KKNS.

17. ALAMAT SYARIKAT KONSESI

ANGKATAN HEBAT SDN BHD

Jalan Mangga,
SEDCO Light Industrial Estate
Kolombong, Inanam,
88450 KOTA KINABALU

No. Tel. : 088-384663

No. Faks : 088-389686

E-mel : ahsb@angkatanhebat.com.my

“SABAH MAJU JAYA”

Rujukan : KEW 100-4/4 JLD.11 (58)

Tarikh : 21 Januari 2026

19. TARIKH KUATKUASA

Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan. Sehubungan dengan itu, Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Sabah BIL.7/2016 Peraturan Penyewaan Kenderaan Rasmi/Khas dan Kenderaan Jabatan/Kementerian di bawah Penswastan Kenderaan Kerajaan Negeri, rujukan KEW.100-4/4 Klt.7/() bertarikh 30 Disember 2016 adalah **dibatalkan**.

18. PERTANYAAN/ KEMUSYKILAN

Sebarang pertanyaan atau kemusykil mengenai kandungan surat pekeliling ini hendaklah dirujuk kepada Unit Harta Awam, Bahagian Perolehan, PUKONSA dan Harta Awam, Kementerian Kewangan Negeri Sabah.

Sekian dan terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK MOHD SOFIAN ALFIAN NAIR, JP)

Setiausaha Tetap

“SABAH MAJU JAYA”

Rujukan : KEW 100-4/4 JLD.11 (58)

Tarikh : 21 Januari 2026

- s.k. (1) Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah,
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri,
Aras 28, Blok A, Menara Kinabalu,
Jalan Tanjung Lipat, Teluk Likas,
88400 KOTA KINABALU
- (2) Peguam Besar Negeri Sabah
Jabatan Peguam Besar Negeri Sabah
Aras 22 & 23, Blok A, Menara Kinabalu,
Jalan Tanjung Lipat, Teluk Likas,
88400 KOTA KINABALU
- (3) Pengarah,
Jabatan Audit Dalam Negeri Sabah,
Tingkat 7 - 10, Blok B, Wisma Tun Fuad Stephens,
Jalan Tuaran, Karamunsing,
88300 KOTA KINABALU
- (4) Pengarah
Jabatan Kerja Raya
Ibu Pejabat,
88582 KOTA KINABALU
- (5) Pengarah Eksekutif Kumpulan
Angkatan Hebat Sdn Bhd
Jalan Mangga, SEDCO Light Industrial Estate,
Kolombong, Inanam,
88450 KOTA KINABALU

“SABAH MAJU JAYA”

**ACKNOWLEDGEMENT OF DELIVERY
OF LEASED VEHICLES****AOD No.:**
Regn. No.:**CERTIFICATE OF LESSEE**

To: **ANGKATAN HEBAT SDN BHD** (199401014771 (300451-W)) (The "Concession Company") of Jalan Mangga, SEDCO Light Industrial Estate, Kolombong, Inanam, 88450 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

1. This Acknowledgment of Delivery is given supplemental to an agreement (as amended from time to time, the "Concession Agreement") between the State Government of Sabah and the Concession Company. Terms defined in the Concession Agreement have the same meanings herein.
2. We hereby acknowledge delivery of the Leased Vehicle in good and road worthy condition, particulars of which are set out in the Schedule hereto on the terms and conditions of the Concession Agreement and, in particular, the Master Lease Terms.
3. We have examined the Leased Vehicles and hereby certify that the Leased Vehicles:
 - (a) corresponds with the description herein, and
 - (b) is of quality and conditions suitable with all respects for the purpose of the Lessee

Place of delivery

Date and time of delivery

Odometer Reading

The State Government of Sabah hereby confirms and endorses that the said Leased Vehicles (particulars of which are set out in the Schedule hereto) has been duly delivered by the Concession Company and accepted by the duly Authorised Recipient for and on behalf of the Government pursuant to the terms and conditions of the Concession Agreement

.....
**Signed by the Authorised Recipient of
 The State of Government of Sabah**

.....
**Delivered by for and on behalf of
 Concession Company**

Department Chop

Name :

Designation :

NRIC No. :

Date :

Witnessed by :

Name :

Designation :

NRIC No. :

Date :

Name :

Designation :

NRIC No. :

Date :

Witnessed by :

Name :

Designation :

NRIC No. :

Date :

Page 1 of 3

"SABAH MAJU JAYA"

**ACKNOWLEDGEMENT OF DELIVERY
OF LEASED VEHICLES**

AOD No.:

Regn. No.:

SCHEDULE

DESCRIPTION OF LEASED VEHICLE

GVO Number	:	_____	Date of GVO	:	_____
Make of Vehicle	:	_____	Vehicle Model	:	_____
Fleet Number	:	_____	Cubic Capacity	:	_____
Registration No.	:	_____	Registration Date	:	_____
Year of manufacture	:	_____	Color	:	_____
Engine No	:	_____	Chassis No.	:	_____
Replacement Vehicle	:	_____	Fleet Card	:	_____

Name of Eligible User : _____

Ministry/Department : _____

Location : _____

LEASING DETAILS

Lease Commencement date : _____ Expiry Date : _____

Financial Cost (%) : _____

Monthly Rental (RM) : _____

Monthly Repair and Maintenance
Authorisation Control Fee (RM) : _____

Rental Period (Months) : _____

Signature : _____
Date : _____

Signature : _____
Date : _____

Page 2 of 3

“SABAH MAJU JAYA”

ACKNOWLEDGEMENT OF DELIVERY OF LEASED VEHICLES

AOD No.:

Regn. No.:

ACCESSORIES

INSTRUCTION BOOKLET	☐	REAR VIEW MIRROR	☐	CENTRAL LOCKING	☐
USER MANUAL KIT	☐	SPARE TYRE & WHEEL	☐	POWER WINDOWS	☐
FLEET CARD – 1 Piece	☐	JACK & HANDLE	☐	ALARM SYSTEM	☐
EMBLEMS	☐	WHEEL BRACE OPENER	☐	AIR BAGS	☐
IGNITION KEY NO. *****	☐	SCREWDRIVERS & PLIERS	☐	SPOT / FOG LIGHTS	☐
REMOTE CONTROL KEY	☐	DOUBLE ENDED SPANNER	☐	BULL/KANGAROO BAR	☐
SPARE TYRE KEY	☐	SPARE WHEEL LOCK ROD	☐	MUDFLAPS/STONEGUARDS	☐
AUDIO PLAYER & REMOTE CONTROL	☐	FRONT DIGITAL CAMERA	☐	WHEEL COVERS / CAPS	☐
RUBBER/CARPET MATS	☐	REVERSE CAMERA	☐	WING/SIDE MIRROR	☐
FIRST AID KIT	☐	AIR-CONDITIONER	☐	SIDE STEP	☐
SUN VISORS	☐	SOCKET CHARGER PORT	☐	EMERGENCY KIT	☐
DOOR VISORS	☐	CLOCK	☐	TOOL BAG	☐
BATTERY STARTER	☐	ANTENNA	☐	_____	☐

MAKE / SIZE SERIAL NO

FRONT TYRE (L) : _____

FRONT TYRE (R) : _____

REAR TYRE (L) : _____

REAR TYRE (R) : _____

SPARE TYRE : _____

Signature
Date :

Signature
Date :

Page 3 of 3

“SABAH MAJU JAYA”